

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : DATO' MANSOR BIN OTHMAN
[NIBONG TEBAL]**

Dato' Mansor Bin Othman [Nibong Tebal] minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN menyatakan jumlah pendaftaran perniagaan online dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) yang terkini dan keberkesanan SSM BizTrust dan langkah lain untuk mengatasi masalah penipuan perniagaan online.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Jumlah keseluruhan perniagaan dalam talian (*online*) yang didaftarkan dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) sehingga 30 September 2017 ialah sebanyak **59,179** perniagaan.

SSM BizTrust merupakan satu piawaian yang ditawarkan secara dalam talian oleh SSM kepada entiti syarikat, perniagaan dan

perkongsian liabiliti terhad, yang mempunyai laman sesawang atau media sosial yang menjual produk, menyediakan perkhidmatan perniagaan atau informasi kepada pihak awam secara *online*.

Melalui penggunaan SSM BizTrust ini, pihak pengguna/pembeli boleh mengenalpasti identiti penjual yang mereka berurusan dan ini seterusnya dapat meningkatkan tahap keyakinan pengguna dalam sebarang urusan pembelian *online*. Pemilik perniagaan yang hendak mendaftar SSM BizTrust juga perlu mematuhi kriteria-kriteria yang telah ditetapkan oleh SSM bagi tujuan pensijilan SSM Biztrust.

Selain itu, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) juga telah melaksanakan beberapa langkah proaktif dalam menangani masalah penipuan perniagaan *online* seperti berikut:

- i) Melaksanakan Akta Perdagangan Elektronik 2006;
- ii) Memperkenalkan Peraturan-Peraturan Pelindungan Pengguna (Urus Niaga Perdagangan Elektronik) 2012;
- iii) Mewujudkan pasukan khas bagi memantau perniagaan *online*;
- iv) Menjalankan naziran terhadap pengendali tapak pasar *online* (*online marketplace operator*); dan
- v) Menjalinkan kerjasama antara agensi Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dan CyberSecurity Malaysia.